

19 JUN 1999

Umno-Singapura

PEMIMPIN UMNO MAHU AKHBAR SINGAPURA MOHON MAAF, TARIK BALIK RENCANA

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Malaysia terus menyelar Business Times Singapura kerana menyiarkan rencana lidah pengarangnya yang dianggap mencampuri hal ehwal dalaman negara ini, manakala Pergerakan Pemuda Umno meminta akhbar itu memohon maaf dan menarik balik rencana itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia tidak memerlukan nasihat, pandangan atau teguran Singapura mengenai hal ehwal kepimpinan negara.

"Kita yang menentukan. Umno boleh menentukan pemimpin yang mereka mahu," kata beliau dalam satu temubual dengan TV Bernama semasa membuat lawatan ke pusat media yang membuat liputan Perhimpunan Agung Umno ke-53, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Lidah pengarang akhbar harian itu semalam menyatakan bahawa sekadar memenangi pilihan raya umum akan datang tidak akan menjadi kemuncak pencapaian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "kerana itu hanya akan berlaku jika beliau boleh meletakkan asas bagi kemajuan ekonomi Malaysia yang berterusan dalam alaf baru di bawah pasukan baru."

Berikutan rencana itu, sebuah akhbar harian kewangan Malaysia, Business Times, menyelar Business Times Singapura dalam lidah pengarangnya bertajuk "Don't take neighbours for granted" hari ini.

Business Times Malaysia bertanya sama ada akhbar Singapura itu "mengamalkan corak kebebasan akhbar yang baru ditemui yang memberi kebebasan kepada mereka untuk mengkritik asalkan bukan terhadap kerajaan mereka sendiri."

Abdullah, Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden parti, berkata apa yang jelas ialah Umno masih memerlukan kepimpinan Dr Mahathir kerana beliau masih sihat dan berkeupayaan untuk memimpin.

"Ini adalah pandangan kita. Apa yang Singapura cakap itu, kita tak perlu beri perhatian langsung.

"Mereka sebenarnya hendaklah tahu bahawa cakap-cakap seperti ini adalah sebenarnya percubaan untuk campur tangan dalam hal negara kita," kata Timbalan Perdana Menteri.

Sementara itu, Menteri Luar berkata tindakan akhbar itu adalah tidak sopan dan ia boleh menjejaskan semangat Asean.

"Mereka ini telah mencampuri urusan dalaman negara. Akhbar-akhbar kita tak pernah mengeluarkan komen yang meminta kepimpinan mereka ditukar," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta akhbar-akhbar negara itu supaya menggunakan semangat Asean dan tidak mencampuri hal-hal politik dalaman sesebuah negara.

Syed Hamid juga mahu rakyat Malaysia menanamkan semangat patriotisme bahawa yang akan menentukan bentuk kerajaan ialah rakyat dan tidak sepatutnya negara jiran.

Pemangku Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata lidah pengarang Business Times Singapura itu menunjukkan keangkuhan dan rasa tidak hormat akhbar itu terhadap para pemimpin Malaysia.

"Ini tidak boleh diterima langsung. Kita tahu bahawa mereka tidak boleh mengkritik pemimpin mereka sendiri, mereka tidak mampu menyuarakan apapun jika ia melibatkan kerajaan dan pemimpin mereka sendiri.

"Saya nasihatkan mereka, sebelum perkara ini berlanjutan, mereka harus menarik balik rencana lidah pengarang itu dan memohon maaf kerana ia adalah

perkara yang serius dan kita tidak harus memandang ringan mengenainya," katanya.

Ditanya sama ada lidah pengarang itu boleh menjejaskan hubungan dua hala, Hishammuddin yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Utama, berkata hubungan Malaysia-Singapura sering ada "naik dan turunnya".

"Tetapi, ia adalah berdasarkan rasa hormat terhadap satu sama lain dan rencana sedemikian seperti ini jelas menunjukkan bahawa mereka tidak bertanggungjawab dan mengetepikan apa juga perhubungan yang ada antara Malaysia dan Singapura.

"Oleh itu, mereka harus melakukan perkara yang betul iaitu memohon maaf dan menarik balik rencana lidah pengarang itu," katanya.

Semalam, beberapa orang pemimpin termasuk bekas presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah membidas akhbar Singapura itu dan berkata tidak wajar bagi akhbar itu mengulas mengenai kepimpinan negara ini.

-- BERNAMA

ES NZ NAK